

**AMALAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM BERASASKAN
KONSEP 5MIM DI SEKOLAH- SEKOLAH MENENGAH AGAMA DI
INDONESIA**

**TEACHING PRACTICES OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS BASED ON
5MIM CONCEPT IN RELIGIOUS SECONDARY SCHOOLS IN INDONESIA**

ⁱAb. Halim Bin Tamuri

ⁱPensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Rektor,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia

ABSTRAK

Objektif utama kajian ini ialah untuk mengkaji pandangan para pelajar terhadap amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah menengah agama di Indonesia. Kajian ini adalah berasaskan kepada lima komponen amalan pengajaran guru Pendidikan Islam iaitu Mudarris, Muaddib, Murabbi, Mursyid dan Mu'allim (5MIM). Kajian ini adalah berbentuk tinjauan yang menggunakan instrumen borang soal selidik pelajar yang telah dijalankan di daerah Ponorogo, Bandung, Jakarta dan Medan, Indonesia. Seramai 631 pelajar telah dipilih secara rawak dari sembilan buah sekolah menengah agama. Berdasarkan penilaian pelajar-pelajar terhadap guru pendidikan Islam mereka, komponen muaddib merupakan yang paling dominan (4.00), diikuti oleh komponen mursyid (3.95), murabbi (3.91) dan mu'allim (3.90). Komponen yang paling rendah ialah komponen mudarris yang mempunyai min 3.81. Umumnya, kesemua min adalah pada tahap yang agak tinggi dengan min keseluruhannya iaitu 3.93.

ABSTRACT

*The main objective of this study is to examine the students' view on their Islamic education teachers teaching practices in religious secondary schools in Indonesia. This study was based on five components of teaching practices i.e. Mudarris, Muaddib, Murabbi, Mursyid and Mu'allim (5MIM). This study carried out a survey that used student questionnaire in the districts of Ponorogo, Bandung, Jakarta and Medan, Indonesia. A total of 631 students were randomly chosen from nine selected secondary religious schools from these districts. Based on the students' view on their religious teachers, it was found that the component of muaddib has the highest mean (4.00), followed by mursyid (3.95), murabbi (3.91), and mu'allim (3.90). The lowest component identified was mudarris with 3.81. Generally, it also found that all the means were relatively high and with the overall mean of 3.93. **Kata Kunci:***

Guru	Pendidikan Islam	Amalan Pengajaran	5MIM
Teacher	Islamic Education	Teaching Practices	5MIM
مدرس	تربية اسلامية	ممارسات التدريس	5MIM

PENDAHULUAN

Matlamat utama sistem pendidikan Islam ialah untuk memberikan kemahiran, pengetahuan dan membangunkan insan yang bertakwa kepada Allah SWT. Dunia pendidikan di kebanyakan negara, sekolah dan guru mempunyai peranan yang sangat penting kerana mereka telah mengambil alih sebahagian besar tugas keluarga untuk mendidik generasi muda. Erti kata lain, perkembangan kemajuan teknologi dan realiti masyarakat global tanpa menyebabkan tugas pendidikan kini hampir diserahkan sepenuhnya kepada institusi formal, khususnya sekolah. Sekolah kini bukan sahaja tempat untuk memberikan pengetahuan kepada pelajar, tetapi dalam pembangunan kemahiran moral dan sosial, yang asalnya dalam masyarakat tradisional, tugas ini adalah tanggungjawab ibu bapa. Maka, tugas guru kini menjadi semakin signifikan dalam usaha membangunkan sesuatu masyarakat sesebuah negara dan tidak hanya berfokus kepada persoalan pemindahan maklumat tetapi juga yang berkaitan dengan aspek pembangunan insan. Keadaan ini adalah satu fenomena yang berlaku di mana-mana negara kerana sekolah telah mula mengambil beberapa fungsi ibu bapa dalam pendidikan anak mereka. Faktor-faktor seperti kesibukan kerja, tekanan ekonomi ditambah pula dengan kekurangan kemahiran dalam pendidikan anak-anak menyebabkan tugas guru di sekolah menjadi semakin signifikan.

Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam

Peranan guru pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam perlu diperkukuhkan lagi. Tugas guru mengikut perspektif Islam merangkumi pelbagai tanggungjawab yang sangat luas dalam pembangunan akhlak dan diri manusia iaitu sebagai seorang pendakwah dan bukan semata-mata sebagai seorang guru biasa bagi satu-satu mata pelajaran di sekolah. Tugas guru perlu dikaitkan dengan peranan sebagai pendakwah atau da'i dan fungsi mereka ialah memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang ajaran Islam dan pelaksanaannya dalam kehidupan seharian, khususnya dalam kalangan pelajar. Pastinya, metode dan pendekatan yang digunakan perlu disesuaikan dengan konteks pendidikan demi memaksimum keberkesanan pendidikan yang dijalankan.¹ Dakwah dan pendidikan adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya mempunyai matlamat yang sama iaitu membangunkan ilmu pengetahuan, sikap, kemahiran dan amalan para pelajar.

Jika dikaitkan dengan keberkesanan kaedah pengajaran pula, kaedah yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai kesan besar kepada pembentukan diri pelajar.² Guru pendidikan Islam merupakan golongan yang sudah dianggap sebagai orang yang mempunyai didikan agama sempurna dan menjadi ikon utama dalam masyarakat. Justeru, mereka dianggap oleh pelajar, rakan sekerja, pentadbir dan masyarakat sebagai seorang yang boleh dijadikan contoh dalam menjalani kehidupan beragama dan

¹ Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak dan Shahrin Awaluddin. 2011. Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Dalam Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusof (pnyt). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit UKM, hlmn 38-39.

² Ibid.

kehidupan berakhlak. Pelajar akan lebih mudah terkesan terhadap ilmu yang disampaikan oleh guru yang menyayangi mereka serta memberi tunjuk ajar dengan penuh hikmah dan kesabaran serta sangat berpegang teguh kepada ilmu dan agama sama ada daripada segi aspek kebiasaan harian, ibadat, adab-adab dan panduan agama sebagaimana yang tunjukkan oleh Rasullallah SAW.³

Hasil pembelajaran yang paling utama ingin dicapai dalam pelaksanaan pendidikan Islam ialah pelajar-pelajar dapat menguasai dan menghayati ilmu yang dipelajari oleh mereka. Pelaksanaan sistem pendidikan dan proses pembinaan kurikulum tidak lengkap dan sempurna sekiranya aspek yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran tidak dititikberatkan. Kurikulum yang lengkap dan disokong pula dengan kaedah pengajaran yang sempurna akan memantapkan lagi proses pendidikan ini akan menyokong ketokohan dan keperibadian seseorang guru khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam.⁴

Hasil kajian Kamarul Azmi, Ab Halim dan Mohd Izham menunjukkan bahawa terdapat empat pola matlamat yang ingin dicapai oleh guru-guru pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam mereka di dalam kelas, iaitu memindahkan ilmu, perubahan tingkah laku, pelajar menjadi cemerlang dan pelajar berjaya di dunia dan akhirat.⁵ Maka, tugas guru adalah sangat signifikan sebagaimana Azizi Jaafar menegaskan bahawa orang yang paling penting dalam proses pelaksanaan kurikulum adalah guru kerana mereka yang akan melaksanakan, menyediakan bahan, merancang pengajaran dan pembelajaran, mengubah suai kurikulum, menambah baik serta terlibat secara langsung dalam kurikulum yang diperkenalkan.⁶

Secara keseluruhannya, dalam konteks pendidikan Islam, adab, akhlak dan keperibadian guru pendidikan Islam dalam Islam dilihat di dalam dan luar kelas yang boleh dikategorikan kepada aspek penampilan dan keperibadian guru terhadap para pelajarnya.⁷ Ringkasnya, penampilan merupakan ciri pertama yang perlu ada bagi seorang guru pendidikan Islam ketika di dalam dan luar kelas. Aspek kedua yang disepakati ialah keperibadian guru pendidikan Islam kepada para pelajarnya. Sifat ini memberi fokus kepada perasaan sayang dan menunjukkan kasih sayang kepada para pelajar, selalu menasihati, menunjuk ajar dan memberi tumpuan kepada mereka dan memandu untuk mengikuti apa yang dinasihatkan. Keadaan ini memberi motivasi dan galakan terhadap idea serta cetusan pemikiran positif

³ Nur Hanani Hussein. 2016a. Kemahiran Pengajaran. Dalam Noornajihan Jaafar (pnyt). *Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit KUIS. hlmn130-135. Lihat juga Ab. Halim Tamuri dan Azhar Ahmad. 2011. *Pembelajaran Pengaturan Pendidikan Islam*. Dalam Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusof (pnyt). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit UKM, hlmn 76-77.


⁴ Fadzilah Mustafa. 2016. *Penyediaan Guru Muda Berkualiti dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam*. Dalam Mohd Farid Mohd Shahrhan dan Nor Hartini Saari. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Persediaan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM. hlmn. 33-35.

⁵ Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Hamzah. 2011. Penerapan Matlamat Pendidikan Islam oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes di beberapa buah sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 55 (Sains Sosial), Mei 2011. Hlmn. 50.

⁶ Azizi Jaafar. 2019. *Asas Pembangunan Kurikulum dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, hlmn. 104-15.

⁷ Ab. Halim Tamuri dan Azhar Ahmad. 2011. hlmn 76-77.

pelajar dalam peningkatan dan penguasaan ilmu pengetahuan serta seterusnya perubahan tingkah laku pelajar atau penghayatan amalan pelajar yang dijelaskan Dunkin and Biddle (1936) dan telah diubahsuai oleh Kamarul Azmi, Ab. Halim dan Mohd Izham (2009) seperti dalam Rajah 1 berikut:⁸



Rajah 1: Proses Perubahan Tingkah Laku Dalam Pendidikan


Maka, dalam mendepani cabaran semasa, setiap proses perubahan dan pembaharuan pendidikan Islam perlu bermula daripada kefahaman terhadap konsep ilmu yang menyeluruh berteraskan kepada akidah tauhid bertunjangan wahyu seperti yang ditekankan oleh Syed al-Ashraf:

*“Faith and knowledge must go hand in hand. Faith is a spiritual gift and knowledge in an intellectual acquisition through the use of man’s intellect `aql. ... Islam does not allow the Muslims to dichotomize life and divide it into that which belongs to God (Divine) and that which belongs to Caesar (secular). Islam wants education to be a process in which curriculum and teaching methods help each individual to unfold its own unique potentiality as a representative of God on the earth”.*⁹

⁸ Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Hamzah. 2009. Sifat Dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar. *Jurnal Teknologi*, 55 (E), Dis. 2009, hlmn. 59

⁹ Ashraf, Syed Ali. 1988. “A View of Education-An Islamic Perspective” in Bernadette O’Keeffe (pytn) *Schools for Tomorrow: Building Walls or Building Bridges*. Sussex: The Falmer Press, hlmn 74.

Rajah 2: Model Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Tauhid



Rajah 2 di atas menunjukkan bagaimana proses tersebut boleh dijalankan serta bagaimana peranan guru-guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan Islam yang ada.¹⁰ Peranan guru yang komprehensif dengan merujuk kepada beberapa istilah iaitu *Mudarris, Muaddib, Murabbi, Mursyid* dan *Mu'allim* (5MIM) perlu difahami dan dihayati oleh semua guru-guru Muslim amnya dan guru pendidikan Islam khususnya.¹¹ Kesediaan guru dalam kelima-lima komponen ini penting dan ia merupakan teras pembangunan insan mereka dan konsep ini bersifat universal. Konsep guru pendidikan Islam cemerlang berasaskan 5MIM ini boleh juga dilaksanakan oleh semua guru kerana ianya dibangunkan mengikut prinsip-prinsip pendidikan Islam yang komprehensif.¹²

¹⁰ Ab. Halim Tamuri. 2015. Standardization of Islamic Education Excellence in The World. Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah 1(2), 2015, hlmn. 113 (109-120)

¹¹ Mohd Rumaizuddin Ghazali. 2019. Pendidikan Islam dari Tradisional ke Moden. Kuala Lumpur: ABIM. hlmn. 79-86.

¹² Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM. hlmn. 81-102.

Komponen *Mudarris*, *Muaddib*, *Murabbi*, *Mursyid* dan *Mu`allim* seperti yang dinyatakan adalah satu anjakan paradigma peranan guru dalam konteks Islam yang mana perlakuan atau amalan yang dilakukan mempunyai hubungan dengan Allah SWT. Konsep guru pendidikan Islam yang cemerlang boleh dibangunkan dengan menekankan kepada pembangunan insan guru berteraskan kelima-lima komponen 5MIM yang dihuraikan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Definisi *Mudarris*, *Muaddib*, *Murabbi*, *Mursyid* dan *Mu`allim*.

<i>Mudarris</i>	Fungsi guru yang berkesan dinilai daripada lima aspek utama, iaitu ciri-ciri peribadi yang dimiliki, kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan, kejayaan mewujudkan iklim dan personaliti bilik darjah yang baik, mempunyai kepakaran serta mempunyai kecekapan dan kemampuan membuat keputusan profesional.
<i>Muaddib</i>	Peranan guru di dalam bilik darjah untuk mengurus, mendidik, membentuk, membimbing, menanam, menyuci, menitis dan menyuburkan akhlak mulia, disiplin, tingkah laku, sahsiah dan seluruh adab sopan dalam pembinaan dan pembangunan diri para pelajar. Proses ta'dib ini bersumberkan wahyu Allah SWT. Manakala nilai ta'dib yang cuba diterapkan dalam diri para pelajar adalah bersifat mutlak, muktamad, kekal abadi dan suci, serta diasaskan kepada keimanan yang kukuh kepada Allah SWT.
<i>Murabbi</i>	Peranan guru di dalam bilik darjah untuk menjaga, membesarkan, mencurahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah para pelajar serta memupuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka secara beransur-ansur agar dapat berkembang dengan baik selaras dengan kematangan yang dilalui oleh para pelajar tersebut. Guru berperanan merealisasikan pembentukan dan pembangunan para pelajar dari pelbagai aspek iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelektual agar dapat melahirkan insan soleh yang berakhlak mulia menurut kaca mata Islam.
<i>Mursyid</i>	Kepimpinan guru dalam bilik darjah untuk menjaga, menasihati, mengarah, membimbing dan memberi petunjuk kepada para pelajar ke arah pembentukan dan pembangunan diri sebagai insan soleh. Konsep irsyad dalam kajian ini lebih memfokuskan konsep kepemimpinan Rasulullah SAW dalam proses mendidik dan membimbing para sahabat.

<i>Muallim</i>	Peranan guru dalam bilik darjah untuk memberitahu, mengajar, memindah dan menyampaikan pelbagai jenis maklumat, disiplin dan ilmu pengetahuan kepada para pelajar sama ada melalui latihan, arahan atau sebarang bentuk pengajaran yang dirancang. Proses ta'lim merangkumi juga adab berilmu yang akan mencorak dan mewarnai pembentukan dan pembangunan diri para pelajar sebagai insan soleh.
-----------------------	--

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah satu tinjauan menggunakan soal selidik pelajar untuk mendapatkan data daripada sampel bagi mewakili populasi kajian. Hasil analisis data ini hanya digeneralisasikan kepada populasi kajian ini sahaja. Objektif utama kajian ini ialah mengkaji amalan-amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah di Indonesia berdasarkan konsep 5MIM dan mengenal pasti tahap hubungan antara komponen-komponen 5MIM dengan konsep guru pendidikan Islam. Populasi kajian ini adalah pelajar-pelajar yang berusia 16-17 di peringkat sekolah menengah agama yang terpilih di empat buah daerah iaitu Ponorogo, Bandung, Jakarta dan Medan, Indonesia. Pengkaji memilih secara rawak 60-100 orang pelajar sebagai sampel kajian daripada setiap sekolah yang terlibat. Secara umumnya, jumlah ini adalah berdasarkan anggaran 20% daripada keseluruhan populasi pelajar yang berusia antara 16- 17 tahun di sekolah-sekolah terlibat.¹³ Seramai 631 pelajar telah dipilih secara rawak mudah daripada sembilan buah sekolah menengah agama yang terpilih di keempat-empat buah daerah. Jumlah ini melebihi had minima yang ditetapkan oleh Krejcie dan Morgan iaitu seramai 357.¹⁴

Terdapat lima konstruk yang telah dikenal pasti iaitu *mudarris*, *Muaddib*, *Murabbi*, *Mursyid* dan *Mu'allim*. Pengkaji telah mengubah suai borang soal selidik berasaskan kepada item-item komponen 5MIM yang dibangunkan oleh Kamarul Azmi dan Ab. Halim.¹⁵ Tujuan utama borang soal selidik ini ialah untuk meninjau persepsi dan pandangan pelajar-pelajar terhadap amalan pengajaran guru pendidikan Islam di sekolah mereka. Borang soal selidik yang dibina telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Indonesia dan disemak oleh 3 orang pelajar pasca siswazah yang sedang menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia. Setelah itu, borang soal selidik tersebut telah diedarkan untuk dirintis di sebuah sekolah di Indonesia bagi memastikan pelajar-pelajar memahami kandungan dan kesesuaian laras bahasa borang soal selidik tersebut. Pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha menunjukkan nilai keseluruhan bagi instrumen tersebut ialah 0.888, iaitu di dalam lingkungan kebolehpercayaan yang tinggi.¹⁶

¹³ Ibid

¹⁴ S. Sarantakos. 1998. *Sosial Research*. London: Macmillan Press Ltd. hlmn. 163

¹⁵ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2007. hlmn. 81-102. Lihat juga Ab. Halim Tamuri. 2016a. Keberkesanan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam. Dalam Mohd Farid Mohd Shahrhan dan Nor Hartini Saari. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Persediaan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM. hlmn. 27-29.

¹⁶ Robert. Burns. 2000. *Introduction to Research Methods*. London: Sage Publication. hlmn. 349.

Sebelum melaksanakan kerja lapangan, penyelidik telah memohon kelulusan dari Departmen Pendidikan di keempat-empat daerah berkenaan terlebih dahulu. Penyelidik dan pembantu penyelidik telah mengadakan temu janji dengan pihak sekolah untuk melaksanakan kajian ini. Penyelidik juga mengadakan perbincangan dengan pihak pentadbir sekolah dan menerangkan tujuan, objektif dan kepentingan kajian ini dijalankan. Data yang diperolehi melalui kajian ini dianalisis dengan menggunakan program SPSS for Windows Version dan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif seperti peratus, frekuensi dan min. Ujian Pearson's Corellation digunakan untuk melihat hubungan yang wujud antara komponen-komponen 5MIM iaitu *Mudarris*, *Muaddib*, *Murabbi*, *Mursyid* dan *Mu'allim* mndengan konsep guru pendidikan Islam.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Secara umumnya pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar yang berada pada Tingkatan 4 di sekolah-sekolah menengah agama yang terpilih di daerah Ponorogo, Bandung, Jakarta dan Medan, Indonesia yang berusia antara 16 tahun sehingga 17 tahun. Berikut adalah maklumat pelajar- pelajar yang terlibat dalam kajian ini:

Jadual 2: Latar Belakang Pelajar Berdasarkan Jantina

Bil	Jantina	Kekerapan	Peratus
1	Lelaki	369	58.5
2	Perempuan	262	41.5

Jadual 3: Pendapatan Keluarga

Bil	Pendapatan Keluarga	Kekerapan	Peratus
1	Kurang RP450.000	60	9.7
2	RP451.000 – RP1.000.000	157	25.4
3	RP1.000.001 – RP1.500.000	140	22.7
4	RP1.500.001 – RP2.000.00	111	18.0
5	Lebih RP2.000.000	149	24.1

Jadual 2 di atas menunjukkan latar belakang responden kajian berdasarkan pendapatan keluarga. Taburan responden kajian ini secara keseluruhannya adalah hampir sama antara setiap kumpulan. Jadual di atas menunjukkan hanya 9.7% pelajar yang datang daripada keluarga yang berpendapatan kurang daripada RP450.000. Selainnya berada dalam kumpulan antara RP451.000 sehingga lebih dari RP2.000.000. Namun begitu terdapat juga 14 pelajar (2.2%) yang tidak memberikan maklum balasa dalam aspek ini. Hasil daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada 631 pelajar-pelajar sekolah menengah agama, berikut adalah

dapatan kajian berdasarkan setiap komponen tersebut.

A) Komponen Mudarris

Komponen pertama mengandungi 21 item yang menggambarkan konsep guru sebagai Mudarris. Min yang ditunjukkan adalah antara 4.19 dan 2.43. Min keseluruhan bagi komponen Mudarris ialah 3.81. Jadual 4 berikut menunjukkan nilai min secara terperinci bagi setiap item yang berkaitan dengan komponen Mudarris.

Jadual 4: Komponen Mudarris

BIL	ITEM (KOMPONEN MUDARRIS)	MIN
B1	Guru PI saya menyatakan tujuan pengajaran dengan jelas dan terang	4.05
B2	Saya boleh mengikuti pengajaran guru PI di dalam kelas	3.98
B3	Pertanyaan saya dijawab dengan baik oleh guru PI	4.07
B4	Saya diberi peluang untuk bersoal jawab semasa pengajaran PI	4.07
B5	Pengajaran guru PI menarik minat saya	3.96
B6	Saya berasa gembira/seronok semasa kelas PI	3.82
B7	Setiap akhir pengajaran, guru PI membuat kesimpulan pengajaran	4.19
B8	Guru PI mengaitkan pengajaran dengan perkara-perkara yang saya tahu	4.01
B9	Saya memahami pengajaran guru PI dengan mudah	3.17
B10	Guru PI mengambil berat terhadap kefahaman saya dalam kelas PI	3.80
B11	Guru PI saya memberi latihan/kerja rumah selepas pengajaran	3.86
B12	Guru PI saya menggunakan berbagai-bagai cara untuk menyampaikan pengajaran	4.19
B13	Pengajaran guru PI saya tersusun dan sistematik	4.14
B14	Guru PI saya mencatat isi-isi pengajaran di papan hitam	3.44
B15	Guru PI saya menggunakan tulisan Jawi dalam pengajaran	3.77
B16	Guru PI saya pandai membuat jenaka semasa pengajaran	4.15
B17	Guru Pendidikan Islam (PI) memulakan pengajaran dengan aktiviti yang menyeronokkan	2.43
B18	Guru PI menghargai pendapat saya	3.17
B19	Guru PI saya menggunakan bahan bantu mengajar ketika mengajar	3.83
B20	Guru PI saya mengajar terlalu cepat/laju	3.80
B21	Guru PI saya tidak duduk setempat semasa mengajar	3.96
	MIN KESELURUHAN	3.81

Nilai min bagi komponen *Mudarris* berada pada tahap yang agak tinggi. Sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini, konsep *Mudarris* ini adalah diasaskan kepada guru cemerlang

yang berkesan. Umumnya, ia dinilai daripada lima aspek utama, iaitu ciri-ciri peribadi yang dimiliki, kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan, kejayaan mewujudkan iklim dan personaliti bilik darjah yang baik, mempunyai kepakaran serta mempunyai kecekapan dan kemampuan membuat keputusan profesional.

B) Komponen *Muaddib*

Komponen kedua mengandungi 16 item yang menggambarkan konsep guru sebagai *Muaddib*. Min yang ditunjukkan adalah antara 4.28 dan 3.33. Min keseluruhan bagi komponen *Muaddib* ialah 4.00. Jadual 5 di bawah ini menunjukkan nilai min secara terperinci bagi setiap item.

Jadual 5: Komponen *Muaddib*

BIL	ITEM (KOMPONEN MUADDIB)	MIN
B22	Guru PI saya memakai pakaian yang sesuai sebagai ustaz/ustazah	3.87
B23	Guru PI saya masuk ke kelas tepat pada waktunya	4.02
B24	Guru PI saya menggunakan tutur kata dengan sopan dan berhemah	4.25
B25	Saya yakin dengan ilmu Islam yang ada pada guru PI saya	4.16
B26	Guru PI memanggil nama saya dengan cara yang baik	4.28
B27	Guru PI saya tidak pernah menggunakan perkataan kasar	4.03
B28	Guru PI pernah mengugut saya jika tidak melaksanakan tugas yang diberikan	3.33
B29	Guru PI tidak menyindir saya semasa pengajaran	3.51
B30	Guru PI tidak merendah-rendahkan kebolehan saya	3.97
B31	Guru PI tidak pernah menghukum saya secara fizikal (dirotan, dicubit, dijemur tengah panas dsb)	4.03
B32	Guru PI saya mengambil berat masalah pelajaran saya	4.00
B33	Guru PI saya ceria dalam pengajaran	4.02
B34	Guru PI mengambil berat tentang tingkah laku dan akhlak saya	4.16
B35	Saya rasa guru PI saya mengamalkan apa yang diajar	4.04
B36	Guru PI saya menunjukkan contoh yang baik	4.16
B37	Guru PI saya mementingkan kebersihan diri dan persekitaran	4.09
	MIN KESELURUHAN	4.00

Nilai min keseluruhan bagi komponen *Muaddib* berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.00. Konsep *Muaddib* adalah diasaskan kepada peranan guru di dalam bilik darjah untuk mengasuh, mendidik, membentuk, membimbing, menanam, menyuci, menitis dan menyuburkan akhlak mulia, disiplin, tingkah laku, sahsiah dan seluruh adab sopan dalam pembinaan dan pembangunan diri para pelajar. Nilai *ta'dib* yang cuba diterapkan dalam diri

para pelajar adalah bersifat mutlak, muktamad, kekal abadi dan suci, serta diasaskan kepada keimanan yang kukuh terhadap Allah SWT.

C) **Komponen *Murabbi***

Komponen ketiga mengandungi 14 item yang menggambarkan konsep guru sebagai *Murabbi*. Min yang ditunjukkan adalah antara 4.24 dan 3.33. Min keseluruhan bagi komponen *Murabbi* ialah 3.91. Jadual berikut di bawah menunjukkan nilai min secara terperinci.

JADUAL 6: Komponen *Murabbi*

BIL	ITEM (KOMPONEN <i>MURABBI</i>)	MIN
B38	Guru PI saya menekankan aspek keimanan dalam pengajaran	4.21
B39	Guru PI selalu berpesan supaya bersikap tolong menolong sesama manusia	4.24
B40	Saya selesa bercakap/berinteraksi dengan guru PI	3.94
B41	Guru PI menggalakkan saya untuk terus belajar	4.13
B42	Saya rasa guru PI mengenali diri saya	3.71
B43	Saya berasa disayangi oleh guru PI	3.52
B44	Guru PI menghormati pendapat saya	3.90
B45	Guru PI menghargai kebolehan diri saya	3.92
B46	Guru PI saya adalah seorang yang pemaaf	4.04
B47	Guru PI saya sentiasa sabar dengan kerenah pelajar ketika mengajar	3.83
B48	Saya boleh menerima nasihat guru PI	4.15
B49	Guru PI saya sentiasa tenang dalam menghadapi tingkah laku pelajar	3.92
B50	Saya menganggap guru PI seperti ibu/bapa saya	3.86
B51	Guru PI saya tidak suka berleter ketika dalam kelas	3.33
	MIN KESELURUHAN	3.91

Konsep *Murabbi* adalah merujuk kepada peranan guru di dalam bilik darjah untuk menjaga, membesarkan, mencurahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah para pelajar serta memupuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka secara beransur-ansur agar dapat berkembang dengan baik selaras dengan kematangan yang dilalui oleh para pelajar tersebut. Guru berperanan merealisasikan pembentukan dan pembangunan para pelajar daripada pelbagai aspek (JERIS) agar dapat melahirkan insan soleh yang berakhlak mulia menurut kaca mata Islam.

D) Komponen *Mursyid*

Komponen keempat berkaitan amalan pengajaran guru PI mengandungi lapan item yang menggambarkan konsep guru sebagai *Mursyid* atau pemimpin. Nilai min yang ditunjukkan adalah antara 3.52 dan 4.18. Min keseluruhan bagi komponen *Mursyid* ialah 3.95. Jadual di bawah ini menunjukkan nilai min secara terperinci.

JADUAL 7: Komponen *Mursyid*

BIL	ITEM (KOMPONEN <i>MURSYID</i>)	MIN
B52	Guru PI saya tidak bersifat pilih kasih dalam kelas	3.89
B53	Guru PI saya seorang yang tegas	3.98
B54	Saya rasa guru PI saya seorang yang mudah untuk diajak berbincang	3.99
B55	Guru PI saya menunjukkan kepimpinan mesra pelajar	4.00
B56	Guru PI saya memberi semangat untuk saya berjaya	4.18
B57	Guru PI saya tidak peka terhadap masalah pelajar	3.52
B58	Guru PI melatih saya menjadi seorang ketua yang bertanggungjawab	4.10
B59	Guru PI saya seorang pemimpin yang bijaksana	3.99
	MIN KESELURUHAN	3.95

Mursyid adalah merujuk kepada aspek kepimpinan guru dalam bilik darjah untuk menjaga, menasihati, mengarah, membimbing dan memberi petunjuk kepada para pelajar ke arah pembentukan dan pembangunan diri sebagai insan soleh. Konteks *Irsyad* dalam kajian ini lebih memfokuskan konsep kepimpinan Rasulullah SAW dalam proses mendidik dan membimbing para sahabat.

E) Komponen *Muallim*

Komponen kelima mengandungi 11 item yang menggambarkan konsep guru sebagai *Mu'allim*. Berdasarkan jadual dibawah ini, min yang ditunjukkan adalah antara 3.34 dan 4.17. Min keseluruhan bagi komponen *Muallim* ialah 3.90. Jadual 2.5 di bawah menunjukkan nilai min setiap item secara terperinci.

JADUAL 8: Komponen *Muallim*


BIL	ITEM (KOMPONEN <i>MUALLIM</i>)	MIN
B60	Guru PI saya memiliki ilmu agama yang tinggi	4.10
B61	Guru PI saya banyak memberi contoh semasa pengajaran	4.11

B62	Semasa mengajar akhlak, guru selalu menggunakan ayat al-Quran, cerita para nabi dan rasul	4.10
B63	Guru PI saya mengaitkan pengajaran Pendidikan Islam dengan mata pelajaran lain	3.60
B64	Guru PI saya bercerita tentang isu-isu semasa dalam kelas	3.58
B65	Guru PI menggalakkan saya menambah ilmu pengetahuan	4.16
B66	Guru PI menggalakkan saya berfikir	4.17
B67	Guru PI saya menggunakan buku/bahan rujukan lain dalam pengajarannya (selain daripada buku teks)	3.87
B68	Tulisan Jawi guru PI saya mudah dibaca	3.73
B69	Guru PI saya memiliki kemahiran tilawah al-Quran	4.17
B70	Saya banyak mencontohi akhlak guru PI berbanding guru-guru mata pelajaran lain	3.34
	MIN KESELURUHAN	3.90

Fokus utama komponen ini ialah merujuk kemampuan guru untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar-pelajarnya. Guru-guru akan dapat menyampaikan pelbagai jenis maklumat, disiplin dan ilmu pengetahuan kepada para pelajar sama ada melalui latihan, arahan atau sebarang bentuk pengajaran yang seumpamanya. Proses *ta'lim* tersebut akan mencorak dan mewarnai pembentukan dan pembangunan diri para pelajar sebagai insan soleh.

Sehubungan itu, jadual berikut memaparkan profil amalan guru Pendidikan Islam berdasarkan beberapa pemboleh ubah. Rajah di bawah menunjukkan profil keseluruhan amalan pengajaran guru pendidikan Islam berdasarkan persepsi pelajar-pelajar di sembilan buah sekolah di daerah Ponorogo, Bandung, Jakarta dan Medan, Indonesia.

Rajah 3 : Profil Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Indonesia



Berdasarkan Rajah 8 jelas menunjukkan terdapat perbezaan persepsi pelajar terhadap amalan guru-guru pendidikan Islam daripada pandangan mereka. Bagi komponen *Mudarris*, min guru-guru pendidikan Islam di Indonesia secara keseluruhannya berada pada tahap yang agak tinggi. Komponen *Muaddib* pada tahap yang lebih positif berbanding dengan komponen-komponen lain. Komponen *Murabbi* pula berada pada tahap yang agak rendah berbanding dengan komponen *Mursyid*. Bagi komponen *Muallim* pula, min untuk guru pendidikan Islam berada pada tahap yang sama dengan komponen *Murrabi* iaitu dengan min iaitu 3.91.

Jadual 9 berikut pula akan menunjukkan hasil daripada ujian Pearson's Correlation yang dijalankan untuk melihat kekuatan hubungan antara konsep guru pendidikan Islam dengan komponen-komponen 5MIM yang menjadi teras kepada pelaksanaan amalan pengajaran dalam kalangan guru-guru pendidikan Islam berdasarkan kepada persepsi para pelajar.

Jadual 9: Hubungan Antara Konsep Guru Dan Komponen Komponen 5MIM

BIL	PEMBOLEH UBAH	<i>r</i>	Aras signifikan
1	<i>Mudarris</i> dengan Konsep Guru	.843	0.000
2	<i>Muaddib</i> dengan Konsep Guru	.817	0.000
3	<i>Murabbi</i> dengan Konsep Guru	.901	0.000
4	<i>Mursyid</i> dengan Konsep Guru	.882	0.000
5	<i>Muallim</i> dengan Konsep Guru	.836	0.000

Berdasarkan jadual di atas, melalui ujian kolerasi yang dijalankan, jelas kepada kita bahawa hubungan antara konsep guru dengan komponen-komponen 5MIM pada penilaian pelajar adalah sangat penting dan signifikan. Dapatan kajian menunjukkan hubungan positif yang wujud antara kesemua pemboleh ubah adalah sangat kuat dan signifikan iaitu antara 0.817 hingga 0.901.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan terdapat beberapa aspek penting yang akan dibincangkan khususnya berkaitan dengan amalan pengajaran dalam kalangan guru-guru pendidikan Islam. Bagi komponen *Muddaris*, terdapat item- item yang menunjukkan tahap tinggi iaitu melebihi 4.0 iaitu:

- i. Guru PI saya menyatakan tujuan pengajaran dengan jelas dan terang
- ii. Pertanyaan saya dijawab dengan baik oleh guru PI
- iii. Saya diberi peluang untuk bersoal jawab semasa pengajaran PI
- iv. Setiap akhir pengajaran, guru PI membuat kesimpulan pengajaran
- v. Guru PI mengaitkan pengajaran dengan perkara-perkara yang saya tahu
- vi. Guru PI saya menggunakan berbagai-bagai cara untuk menyampaikan pengajaran
- vii. Pengajaran guru PI saya tersusun dan sistematik
- viii. Guru PI saya pandai membuat jenaka semasa pengajaran

Manakala, lima item terendah bagi komponen *Mudarris* yang perlu diberikan tumpuan untuk peningkatan adalah seperti berikut:

- i. Guru Pendidikan Islam (PI) memulakan pengajaran dengan aktiviti yang menyeronokkan
- ii. Saya memahami pengajaran guru PI dengan mudah
- iii. Guru PI menghargai pendapat saya
- iv. Guru PI saya mencatat isi-isi pengajaran di papan hitam
- v. Guru PI saya menggunakan tulisan Jawi dalam pengajaran

Bagi komponen *Muaddib*, berdasarkan data, terdapat beberapa item berada pada tahap yang tinggi iaitu melebihi 4.00:

- i. Guru PI saya masuk ke kelas tepat pada waktunya
- ii. Guru PI saya menggunakan tutur kata dengan sopan dan berhemah
- iii. Saya yakin dengan ilmu Islam yang ada pada guru PI saya
- iv. Guru PI memanggil nama saya dengan cara yang baik
- v. Guru PI saya tidak pernah menggunakan perkataan kasar
- vi. Guru PI tidak pernah menghukum saya secara fizikal (dirotan, dicubit, dijemur tengah panas dsb)
- viii. Guru PI saya mengambil berat masalah pelajaran saya
- ix. Guru PI saya ceria dalam pengajaran
- x. Guru PI mengambil berat tentang tingkah laku dan akhlak saya
- xi. Saya rasa guru PI saya mengamalkan apa yang diajar
- xii. Guru PI saya menunjukkan contoh yang baik
- xiii. Guru PI saya mementingkan kebersihan diri dan persekitaran

Terdapat empat item mempunyai min yang terendah bagi komponen *Muaddib* ini iaitu:

- i. Guru PI saya memakai pakaian yang sesuai sebagai ustaz/ustazah
- ii. Guru PI pernah mengugut saya jika TIDAK melaksanakan tugas yang diberikan
Guru PI tidak menyindir saya semasa pengajaran
- iii. Guru PI tidak merendah-rendahkan kebolehan saya

Bagi komponen *Murrabi*, terdapat beberapa item yang melebihi tahap 4.00 iaitu:

- i. Guru PI saya menekankan aspek keimanan dalam pengajaran
- ii. Guru PI selalu berpesan supaya bersikap tolong menolong sesama manusia
- iii. Guru PI menggalakkan saya untuk terus belajar
- iv. Guru PI saya adalah seorang yang pemaaf
- v. Saya boleh menerima nasihat guru PI

Bagi item rendah pula, terdapat lima item bagi komponen *Murabbi* berada tahap yang agak rendah iaitu:

- i. Guru PI saya tidak suka berleter ketika dalam kelas
- ii. Saya rasa guru PI mengenali diri saya
- iii. Saya berasa disayangi oleh guru PI
- iv. Saya menganggap guru PI seperti ibu bapa saya
- v. Guru PI saya sentiasa sabar dengan kerenah pelajar ketika mengajar

Bagi komponen *Mursyid*, hanya terdapat tiga item dalam komponen Mursyid yang mempunyai min melebihi 4.0. Item-item tersebut ialah :

- i. Guru PI saya menunjukkan kepimpinan mesra pelajar
- ii. Guru PI saya memberi semangat untuk saya berjaya
- iii. Guru PI melatih saya menjadi seorang ketua yang bertanggungjawab

Namun, dalam komponen *Mursyid* ini, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat lima item untuk komponen berada pada tahap yang agak rendah iaitu:

- i. Guru PI saya tidak bersifat pilih kasih dalam kelas
- ii. Guru PI saya seorang yang tegas
- iii. Saya rasa guru PI saya seorang yang mudah untuk diajak berbincang
- iv. Guru PI saya tidak peka terhadap masalah pelajar
- v. Guru PI saya seorang pemimpin yang bijaksana

Selanjutnya, dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa item yang tinggi bagi komponen *Muallim* iaitu melebihi aras 4.00 iaitu:

- i. Guru PI saya memiliki ilmu agama yang tinggi
- ii. Guru PI saya banyak memberi contoh semasa pengajaran
- iii. Semasa mengajar akhlak, guru selalu menggunakan ayat al-Quran, cerita para nabi dan rasul
- iv. Guru PI menggalakkan saya menambah ilmu pengetahuan
- v. Guru PI menggalakkan saya berfikir
- vi. Guru PI saya memiliki kemahiran tilawah al-Quran

Bagi komponen *Muallim*, terdapat lima item lain mempunyai min yang agak rendah iaitu :

- i. Guru PI saya mengaitkan pengajaran Pendidikan Islam dengan mata pelajaran lain
- ii. Guru PI saya bercerita tentang isu-isu semasa dalam kelas
- iii. Guru PI saya menggunakan buku/bahan rujukan lain dalam pengajarannya (selain daripada buku teks)
- iv. Tulisan Jawi guru PI saya mudah dibaca
- v. Saya banyak mencontohi akhlak guru PI berbanding guru-guru mata pelajaran


lain

Hasil daripada dapatan kajian penilaian pelajar-pelajar terhadap guru pendidikan Islam mereka, secara keseluruhannya komponen *Muaddib* merupakan yang paling dominan (4.00), diikuti oleh komponen *Mursyid* (3.95) *Murabbi* (3.91), dan *Muallim* (3.90). Komponen yang paling rendah ialah komponen *Mudarris* yang mempunyai min keseluruhan pada tahap 3.81. Kesemua min tersebut berada pada tahap yang tinggi begitu juga dengan min keseluruhannya iaitu 3.93.

Secara umumnya, aliran amalan guru pendidikan Islam Indonesia menunjukkan yang komponen *Muaddib* adalah dominan kerana ianya mempunyai min yang tertinggi jika dibandingkan dengan komponen-komponen yang lain. Min yang terendah bagi kedua-dua kumpulan guru ini adalah bagi komponen *Muallim*

Jelas bahawa peranan guru adalah sangat signifikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan ianya mempunyai hubung kait yang sangat rapat dengan pengalaman dan latar belakang yang ada pada para pelajar. Justeru, aspek pendekatan, amalan dan gaya pengajaran guru Pendidikan Islam perlu disesuaikan dengan keperluan pelajar. Pada asasnya, amalan pengajaran yang digunakan oleh guru-guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai kesan besar kepada pembentukan diri pelajar. Amalan pengajaran guru berdasarkan komponen 5MIM ini mempunyai hubungan yang kuat dan positif terhadap pengamalan keseluruhan konsep guru pendidikan Islam yang cemerlang. Kajian ini telah menunjukkan pada pandangan para pelajar, terdapat hubungan yang kuat antara konsep *muddaris*, *muaddib*, *murrabi*, *mursyid* dan *mu'allim* dengan konsep guru pendidikan Islam secara keseluruhannya. Guru yang mengamalkan dengan baik kelima-lima komponen ini mempunyai hubungan positif yang signifikan terdapat pengamalan konsep guru pendidikan Islam cemerlang. *Murrabi* merupakan komponen yang paling kuat hubungannya dengan konsep guru pendidikan Islam secara keseluruhannya. Ianya diikuti komponen *Mursyid*, *Mudarris*, *Muallim* dan *Murrabi*.

Dapatlah dirumuskan, kajian ini menunjukkan terdapat bahawa aliran yang hampir sama menunjukkan min bagi setiap komponen mempunyai nilai yang hampir iaitu *Mudarris* ialah 3.81, *Muaddib* 4.00, *Murabbi* 3.91, *Mursyid* 3.95 dan *Muallim* 3.91. Min keseluruhan bagi amalan-amalan pengajaran berteraskan konsep guru pendidikan Islam berteraskan konsep 5MIM ialah 3.93.



Rajah 4: Perbandingan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Malaysia dan Indonesia

Satu perbandingan juga telah dilakukan untuk melihat jika terdapat perbezaan persepsi pelajar terhadap amalan guru-guru pendidikan Islam didapati di Malaysia dan juga amalan pengajaran guru-guru pendidikan Islam di Indonesia dalam kajian ini.¹⁷ Secara perbandingan, bagi komponen *Mudarris*, min guru-guru pendidikan Islam di Indonesia secara keseluruhannya berada pada tahap yang lebih tinggi sedikit daripada guru-guru pendidikan Islam di Malaysia. Komponen *Mudarris* di Malaysia berada pada tahap 3.75 manakala komponen *Mudarris* di Indonesia pada tahap 3.81. Bagi komponen *Muaddib*, ia berada pada kedudukan yang lebih baik kerana kedua-duanya mendapat peratusan tertinggi di Malaysia pada tahap 4.24 dan di Indonesia pada tahap 4.00. Terdapat perbezaan agak ketara bagi komponen *Muaddib* di Malaysia yang berada pada tahap lebih positif berbanding dengan di Indonesia. Bagi komponen *Murabbi* pula, dapatan kajian menunjukkan para pelajar menjelaskan bahawa guru-guru pendidikan Islam di Malaysia mempunyai tahap yang lebih positif berbanding dengan guru pendidikan Islam di Indonesia. Min *Murabbi* bagi guru-guru di Malaysia ialah 4.01 manakala di Indonesia pula pada 3.91. Bagi komponen *Mursyid*, dapatan menunjukkan tahap yang hampir sama yang menunjukkan min bagi guru-guru pendidikan Islam di Indonesia hanya lebih tinggi sedikit iaitu pada tahap 3.95, manakala guru-guru pendidikan Islam di Malaysia pada tahap 3.94. Untuk komponen *Muallim* pula, min untuk guru pendidikan Islam di Malaysia (3.94) pula berada pada tahap yang tinggi sedikit daripada min guru-guru pendidikan Islam di Indonesia iaitu 3.91. Dapatan menggambarkan secara umum komponen-komponen 5MIM ini secara keseluruhannya adalah hampir sama kecuali dalam aspek *muaddib* terdapat perbezaan yang agak ketara pandangan pelajar-pelajar di kedua-dua buah negara.

Berdasarkan dapatan kajian ini, menunjukkan bahawa peranan guru pendidikan Islam sebagai *Muaddib* dalam mendidik akhlak adalah amat signifikan menurut pandangan para pelajar terhadap guru-guru mereka dalam kajian ini. Ini kerana proses *taadib* adalah proses membentuk individu yang mempunyai peribadi, sikap dan watak yang baik selaras dengan resolusi Persidangan Dunia Pertama mengenai Pendidikan Islam di Mekah pada tahun 1977.¹⁸ Maka, komponen *Muaddib* ini perlu diberikan tumpuan oleh pentadbir dan pihak berkuasa pendidikan di Indonesia dan juga Malaysia khususnya dalam latihan pra dan dalam perkhidmatan guru kerana adalah komponen paling dominan. Selain itu, sebagai *Muaddib*, empat perkara yang perlu dielakkan oleh guru-guru pendidikan Islam semasa pengajaran mereka ialah memakai pakaian yang tidak sesuai sebagai ustaz/ustazah; mengugut jika tidak melaksanakan tugas yang diberikan; menyindir semasa pengajaran; dan merendah-rendahkan kebolehan pelajar. Maka, guru sebagai *muaddib* perlu diberikan tumpuan kerana pembangunan akhlak adalah satu aspek yang penting dalam pendidikan dan memerlukan sifat-sifat terpuji iaitu ikhlas, takwa, adil, sabar dan menjadikan Rasulullah SAW sebagai modal peranan (role

¹⁷ Ab. Halim Tamuri. 2016b. "Pendekatan Pedagogi Terkini Dan Pembentukan Tenaga Pengajar Profesional Di Dalam Pendidikan Islam". Kertas kerja dibentang Wacana Pendidikan Islam Pendidikan Islam Di Malaysia - Isu, Cabaran dan Hala Tuju, anjuran Yayasan Islam Pulau Pinang, 14 Mei 2016 di Dewan Seminar SEAMEO RECSAM, Pulau Pinang.

¹⁸ Zetty Nurzuliana Rashed. 2016. Penerapan Tadib Dalam Pendidikan Islam. Dalam Noornajihan Jaafar (pnyt). Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam. Bangi: Penerbit KUIS. hlmn. 247.

model).¹⁹

Aspek *Muddaris* yang menekankan kepada kemahiran pengajaran dan pembelajaran perlu dibangunkan dengan lebih berkesan kerana ianya berada pada tahap yang boleh diperbaiki lagi. Dapatan kajian yang menunjukkan aspek ini mempunyai min yang terendah menyokong untuk keperluan memberikan tumpuan kepadanya dengan lebih mendalam lagi. Namun, terdapat perbezaan kecil antara min komponen *mudarris* di Indonesia yang didapati lebih tinggi daripada min *mudarris* di Malaysia. Nur Hanani telah menjelaskan kepentingan guru-guru pendidikan Islam dalam menguasai strategi, pendekatan, kaedah serta teknik pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dalam usaha memastikan keberkesanan pengajaran mata pelajaran ini.²⁰ Rasulullah SAW telah memberikan penekanan dalam penggabungan antara teori dan praktikal; kesesuaian memilih strategi yang sesuai dengan masa, situasi serta tahap kemampuan individu sehingga memberikan impak yang mendalam kepada para sahabat ketika menyampaikan kandungan pengajaran.²¹ Maka, tumpuan perlu diberikan kepada dapatan kajian ini khususnya dalam item-item agak rendah yang didapati dalam kajian ini. Antara aspek yang boleh dipertingkatkan lagi adalah pengajaran dimulakan dengan aktiviti yang menyeronokkan, penjelasan yang memudahkan kefahaman pelajar, penghargaan pendapat pelajar, mencatat isi-isi pengajaran serta penggunaan tulisan Jawi dalam pengajaran.

Bagi komponen *Mursyid* pula, dapatan ini menunjukkan min yang diperolehi berada pada aras agak tinggi berdasarkan pandangan pada pelajar. Kepimpinan guru penting kerana mereka adalah *role-model* kepada para pelajar kerana mereka berperanan untuk menjaga, menasihati, mengarah, membimbing dan memberi petunjuk kepada para pelajar ke arah pembentukan dan pembangunan diri sebagai insan soleh. Mohd Rumaizuddin menjelaskan seorang pendidik yang *Mursyid* adalah pembimbing kehidupan sebenar dengan nilai dan sikap yang benar sebagai hamba and khalifah Allah SWT.²² Beliau juga perlulah bertingkah laku baik, dan terpuji serta mempunyai tokoh kepimpinan.²³ Maka, dalam konteks pendidikan, *Mursyid* ini bolehlah diertikan dengan tugas guru sebagai seorang mentor kepada pelajar-pelajarnya.²⁴ Maka beberapa aspek perlu diberikan penambahbaikan berdasarkan kajian ini kerana min yang diperolehi agak rendah iaitu seorang guru tidak boleh bersifat pilih kasih dalam kelas; seorang yang tegas; mudah untuk diajak berbincang; peka terhadap masalah pelajar dan perlu menjadi seorang pemimpin yang bijaksana.

Dapatan kajian menunjukkan komponen *Murrabi* di Indonesia berada pada aras yang lebih rendah (3.91) berbanding dengan di Malaysia (4.01). Jika dilihat, aspek *murrabi* ini perlu diperbaiki dengan memberikan latihan yang bersesuaian khususnya pendekatan psikologi,

¹⁹ Noornajihan Jaafar. 2016b. Akhlak dan Keperibadian. Dalam Noornajihan Jaafar (pnyt). *Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit KUIS. hlmn.155-161.

²⁰ Nur Hanani Hussin, 2016a. hlmn,129-131.

²¹ Ibid

²² Mohd Rumazuddin Ghazali. 2019. hlmn 84.

²³ Ibid.

²⁴ Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar dan Ab . Halim Tamuri. 2017. *Pendidikan Akhlak: Analisa dan Reka Bentuk Kurikulum*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. hlmn. 112.

kemahiran kaunseling, pembedaan sikap dan efikasi sendiri guru. Lima item yang dilihat negatif dalam komponen *Murrabi* ialah guru yang suka berleter ketika dalam kelas; guru yang kurang mengenali diri pelajar; perasaan kurang disayangi; guru seperti ibu/bapa pelajar dan guru yang kurang sabar dengan karenah pelajar ketika mengajar. Kemahiran dan kepakaran dalam psikologi pendidikan, konsep dan efikasi sendiri yang tinggi dalam guru-guru pendidikan Islam adalah amat penting dalam membangun guru sebagai *murrabi*.²⁵ Untuk komponen *Murrabi*, tumpuan ialah untuk menjaga, membesarkan, mencurahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah para pelajar serta memupuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka. Konsep sendiri adalah amat penting kerana membentuk keperibadian seseorang guru²⁶ dan begitu juga dengan efikasi sendiri juga akan memacu tingkah laku seseorang guru serta mengawal situasi yang berlaku di sekelilingnya.²⁷

Nilai sama juga diperolehi bagi komponen *Muallim* yang mana peranan guru ialah memberitahu, mengajar, memindah dan menyampaikan pelbagai jenis maklumat, disiplin dan ilmu pengetahuan kepada para pelajar. Mohd Rumaizuddin menjelaskan seorang *muallim* bertanggung jawab menyampaikan ilmu pengetahuan, mengamalkan ilmu yang diperolehi, memberi maklumat serta latihan kemahiran dan memiliki kemampuan untuk mendidik para pelajar ke arah kesempurnaan.²⁸ Sebagai *Muallim*, guru-guru hendaklah memberikan ilmu sebaiknya; memberikan rangsangan dan motivasi; dan berusaha meningkatkan penguasaan ilmu serta dapat mencari pendekatan pengajaran yang menimbulkan minat mereka.²⁹ Mereka perlu merujuk kepada sekurang-kurangnya empat aspek yang berkaitan iaitu kemahiran mengajar, ilmu pengetahuan, personaliti dan motivasi. Keupayaan menguasai konsep kesepaduan ilmu serta memahami bahawa al-Quran dan alam adalah sumber ilmu sains dalam pendidikan akan menjadikan guru-guru pendidikan Islam mengaplikasikan konsep bersepadu yang berteraskan ilmu *aqli* dan *naqli* dalam pengajaran dan pembelajaran.³⁰

Beberapa aspek dalam komponen *Muallim* yang boleh dipertingkatkan antaranya adalah mengaitkan pengajaran Pendidikan Islam dengan mata pelajaran lain; bercerita tentang isu-isu semasa dalam kelas; menggunakan buku/bahan rujukan lain dalam pengajarannya (selain daripada buku teks); menggunakan tulisan Jawi guru dengan baik; dan dapat mencontohi akhlak guru pendidikan Islam berbanding guru-guru mata pelajaran lain.

²⁵ Nur Hanani Hussein. 2016b. Fungsi Psikologi dalam Pendidikan. Dalam Noornajihan Jaafar (pnyt). *Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit KUIS. hlmn. 64-67.

²⁶ Nurul Asiah Fasehah. Konsep Kendiri. 2016. Dalam Noornajihan Jaafar (pnyt). *Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit KUIS. hlmn 113.

²⁷ Nurul Asiah Fasehah. Konsep Kendiri. 2016. Dalam Noornajihan Jaafar (pnyt). *Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit KUIS. hlmn 113.

²⁸ Mohd Rumaizuddin Ghazali. 2016. hlmn. 80-81.

²⁹ Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar dan Ab. Halim Tamuri. 2017. hlmn. 107-108.

³⁰ Ab. Halim Tamuri. 2014. al-Quran dan Alam Sebagai Sumber Ilmu Sains dalam Pendidikan. Dalam Khalijah Mohd Salleh. *Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid*. Bangi: Penerbit UKM. hlmn.30-39

Maka dapat dikatakan keperluan guru untuk menjalankan tugas sebagai seorang guru yang profesional adalah amat signifikan. Sebagai guru yang profesional, mereka perlu mendapat latihan dan pendidikan perguruan yang sesuai dan mencukupi diperolehi melalui proses latihan khusus sama ada di pusat latihan perguruan atau pun universiti yang menawarkan bidang pendidikan. Keperluan-keperluan asas yang dibincangkan di atas amat diperlukan bagi membangunkan kepakaran seseorang guru sebagai guru profesional yang berkesan.

PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa tahap amalan komponen Muaddib merupakan yang paling dominan (4.00), diikuti oleh komponen Mursyid (3.95) Murabbi (3.91), Mu`allim (3.90) dan Mudarris (3.81). Min keseluruhan bagi konsep 5MIM ialah 3.93. Secara keseluruhannya kesemua min amalan guru pendidikan Islam di Indonesia berada pada tahap yang tinggi. Komponen paling tinggi yang ada pada guru pendidikan Islam dalam kajian ini ialah muaddib dan komponen yang terendah ialah Muddaris. Kajian juga menunjukkan terdapat tahap hubungan positif yang signifikan antara komponen Muddaris, Muaddib, Murrabi, Mursyid dan Mu`allim dengan konsep guru pendidikan Islam di Indonesia berteraskan konsep 5MIM menurut pandangan sampel kajian dalam kajian ini. Secara umumnya terdapat perbezaan aliran yang hampir sama dalam amalan pengajaran guru-guru Pendidikan Islam Indonesia dalam kajian ini jika dibandingkan dengan amalan guru pendidikan Islam di Malaysia. Komponen Mudarris, Muaddib, Murabbi, Mursyid dan Mu`allim yang dijadikan asas kepada konsep guru pendidikan Islam cemerlang boleh dilaksanakan dalam sistem pendidikan Islam kerana ianya merangkumi amalan-amalan yang menyeluruh dan bersifat sejagat dalam melaksanakan pengajaran pendidikan Islam dengan berkesan. Komponen penting ini perlu didedahkan dalam aspek pembangunan insan guru sebagai satu langkah keberkesanan pendidikan Islam dalam kalangan para pelajar. Konsep 5MIM juga adalah bersesuaian dengan pandangan yang diutarakan oleh pakar-pakar dalam bidang pendidikan Islam yang menyatakan antara sifat-sifat yang perlu dimiliki oleh guru ialah ketokohan memimpin, keperibadian mulia, bersifat kasih sayang dan berjiwa luhur. Kebijaksanaan pendidik dalam melaksanakan tanggungjawab pembimbing dan pemimpin terhadap anak didik, akan melengkapkan diri mereka sebagai pendidik yang profesional dan berwibawa. Konsep guru pendidikan Islam cemerlang berasaskan 5MIM akan menjadikan guru-guru pendidikan Islam sebagai role-model atau contoh terbaik dalam pelaksanaan pendidikan Islam. Malah, keupayaan dan kewibawaan pendidik sebagai pemimpin dalam pendidikan yang berkesan akan membentuk insan yang terdidik, berilmu, berakhlak dan bertakwa.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Azhar Ahmad. 2011. Pembelajaran Pengaturan Pendidikan Islam. Dalam Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusof (pnyt). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit UKM.71-111.
- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak dan Shahrin Awaluddin. 2011. Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Dalam Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusof (pnyt). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit UKM. 38-70.
- Ab. Halim Tamuri. 2014. al-Quran dan Alam Sebagai Sumber Ilmu Sains dalam Pendidikan. Dalam Khalijah Mohd Salleh. *Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid*. Bangi: Penerbit UKM. 25-41.
- Ab. Halim Tamuri. 2015. Standardization of Islamic Education Excellence in The World. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1(2), 2015.109-120.
- Ab. Halim Tamuri. 2016a. Keberkesanan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam. Dalam Mohd Farid Mohd Shahrin dan Nor Hartini Saari. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Persediaan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM. 1-30.
- Ab. Halim Tamuri. 2016b. “Pendekatan Pedagogi Terkini Dan Pembentukan Tenaga Pengajar Profesional Di Dalam Pendidikan Islam”. Kertas kerja dibentang Wacana Pendidikan Islam Pendidikan Islam Di Malaysia - Isu, Cabaran dan Hala Tuju, anjuran Yayasan Islam Pulau Pinang, 14 Mei 2016 di Dewan Seminar SEAMEO RECSAM, Pulau Pinang.
- Ashraf, Syed Ali. 1988. “A View of Education-An Islamic Perspective” in Bernadette O’Keeffe (ed.) 1988. *Schools for Tomorrow: Building Walls or Building Bridges*. Sussex: The Falmer Press. 69-79
- Azizi Jaafar. 2019. *Asas Pembangunan Kurikulum dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka
- Dunkin, M.J. & Biddle, B.J. 1936. *The study of teaching*. United States of America: Holt, Rinehart & Winston, Inc.
- Fadzilah Mustafa. 2016. Penyediaan Guru Muda Berkualiti dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam. Dalam Mohd Farid Mohd Shahrin dan Nor Hartini Saari. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Persediaan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM. 31-44.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Hamzah. 2009. Sifat Dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar. *Jurnal Teknologi*, 55 (E), Dis. 2009. 57-71.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Hamzah. 2011. Penerapan Matlamat Pendidikan Islam oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes di beberapa buah sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 55 (Sains Sosial), Mei 2011. 37-53.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. 2019. *Pendidikan Islam dari Tradisional ke Moden*. Kuala

Lumpur: ABIM.

- Noornajihan Jaafar. 2016a. Efekasi Kendiri. Dalam Noornajihan Jaafar (pnyt). *Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit KUIS. 119-127.
- Noornajihan Jaafar. 2016b. Akhlak dan Keperibadian. Dalam Noornajihan Jaafar (pnyt). *Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit KUIS. 155-162.
- Nur Hanani Hussin. 2016a. Kemahiran Pengajaran. Dalam Noornajihan Jaafar (pnyt). *Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit KUIS. 129-140.
- Nur Hanani Hussein. 2016b. Fungsi Psikologi dalam Pendidikan. Dalam Noornajihan Jaafar (pnyt). *Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit KUIS. hlmn. 59-69.
- Nurul Asiah Fasehah. Konsep Kendiri. 2016. Dalam Noornajihan Jaafar (pnyt). *Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit KUIS. 113-116.
- Robert. Burns. 2000. *Introduction to Research Methods*. London: Sage Publication.
- S. Sarantakos. 1998. *Sosial Research*. London: Macmillan Press Ltd.
- Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar dan Ab. Halim Tamuri. 2017. *Pendidikan Akhlak: Analisa dan Reka Bentuk Kurikulum*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Zetty Nurzuliana Rashed. 2016. Penerapan Tadib Dalam Pendidikan Islam. Dalam Noornajihan Jaafar (pnyt). *Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit KUIS. 247-257.